



Submission: 15/02/2022 Accepted: 09/06/2022 Published: 29/09/2022
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.522

PEMBANGUNAN KEROHANIAN USAHAWAN MELAYU DI MALAYSIA: TINJAUAN DARI PERSPEKTIF GURU-GURU MURSYID

Spiritual Development of Malay Entrepreneurs in Malaysia: A Perspective from Mursyid Teachers

Ahmad Fakhrurrazi Bin Mohammed Zabidi^{a1}, Abu Yazid Bin Abdul Kadir^b &
Salmy Edawati Binti Yaacob^c

^aPensyarah Kanan, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

^b Pelajar Phd, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor

^c Professor Madya, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

¹izzar@ukm.edu.my (corresponding author)

Abstract

Spirituality is the most important aspect in a person of Malay entrepreneurs. The spiritual system of an entrepreneur which consists of heart, passion, intellect, and spirit needs to be developed through the method of guidance of a murshid teacher. Based on the views of murshid teachers who see the failure of Malay entrepreneurs to develop the spiritual system is due to the lack of spiritual practices such as suluk, suhbah, adab, zikir, fasting, prayer, zakat and muraqabah. This study will examine these factors in depth, especially for entrepreneurs with secular and non-secular entrepreneurs. Thus, this study aims to explore the spiritual practices from the point of view of murshid teachers who bring success in the field of entrepreneurship in Malaysia. This study is qualitative in nature by taking a content analysis approach and in -depth interview method. The results of the study found that spiritual practices influence the personal nature of entrepreneurs, build self-confidence, self-defence systems, and form noble morals. In addition, spiritual practice also helps

into self-management and business that are beneficial to lead to success in this world and in the hereafter.

Key word: Entrepreneur, Spiritual development, Spiritual practices.

Abstrak

Kerohanian merupakan aspek paling penting dalam diri seseorang usahawan Melayu. Sistem kerohanian seorang usahawan yang terdiri daripada hati, nafsu, akal dan roh perlu dibangunkan melalui kaedah bimbingan seorang guru mursyid. Berdasarkan pandangan dari guru-guru mursyid yang melihat kegagalan usahawan Melayu untuk membangunkan sistem kerohanian adalah disebabkan oleh faktor kekurangan amalan kerohanian seperti suluk, *suhbah*, adab, zikir, puasa, solat, zakat dan muraqabah. Kajian ini akan meneliti faktor tersebut secara mendalam khususnya terhadap usahawan bertarekat dengan usahawan tidak bertarekat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan-amalan kerohanian dari sudut pandang guru-guru mursyid yang membawa kejayaan dalam bidang keusahawanan di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis kandungan dan kaedah temu bual mendalam. Hasil kajian mendapati amalan kerohanian mempengaruhi sifat peribadi usahawan, membina keyakinan diri, sistem pertahanan diri, dan membentuk akhlak mulia. Di samping itu, amalan kerohanian turut membantu kepada aspek pengurusan diri dan perniagaan yang lebih bermanfaat sehingga membawa kepada kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Kata kunci: Usahawan, Pembangunan kerohanian, Amalan kerohanian.

PENDAHULUAN

Sejarah penubuhan Jemaah Darul Al-Arqam telah membangunkan satu perniagaan korporat di pentas antarabangsa telah membawa kejayaan kepada golongan usahawan yang bertarekat. Jemaah Darul Al-Arqam sebenarnya telah membina empayar perniagaan yang menghasilkan pelbagai produk seperti makanan halal, makanan sunnah, pakaian muslimah, majalah, buku dan risalah mingguan. Selain itu, Darul Al-Arqam juga menyediakan perkhidmatan penyediaan pakej pelancongan, hotel, logistik, klinik kesihatan dan perkhidmatan guaman. Kajian yang dibuat oleh Muhammad Syukri (1994) menyatakan bahawa Darul Al-Arqam adalah pertubuhan yang menegaskan betapa pentingnya kebangkitan rohani yang perlu dicapai oleh seseorang individu bagi peningkatan sosial dan ekonomi masyarakat yang lebih baik.

Dato' Hj Muhammad Fuad Bin Kamaludin merupakan pengerusi lembaga pengarah Sofa Education Group (SEG) yang mempunyai rangkaian di peringkat antarabangsa dan merupakan seorang guru mursyid yang disegani di dalam bidang tarekat.

Meskipun usianya mencecah 48 tahun, beliau telah menghasilkan hampir 150 karya berbentuk penulisan, penterjemahan, dan adaptasi. Kombinasi bidang keusahawanan dengan bidang kerohanian di dalam diri beliau seharusnya dapat membuka minda para usahawan untuk mencuba kaedah pembangunan kerohanian di dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam bidang keusahawanan, pembangunan kerohanian perlu seimbang dengan tuntutan jasmani, rohani, dunia dan akhirat. Kegagalan menguruskan perniagaan hari ini adalah usahawan hanya memberi tumpuan kepada rekod keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan pembangunan kerohanian diri usahawan (Al-Qaradawi, 2001). Kehidupan seorang usahawan sebenarnya memerlukan pembangunan kerohanian melalui pentarbiahan seorang guru mursyid yang melibatkan proses pembersihan hati, penundukan hawa nafsu, penajaman akal fikiran dan pencapaian ketenangan roh.

Usahawan Melayu di Malaysia masih lemah dalam memahami dan menghayati makna kerohanian yang seharusnya menjadi teras dalam diri dan juga sebagai tunjang dalam perniagaan mereka. Ini telah dibuktikan dari kajian Zainuddin dan Rozeyta (2003) menyatakan bahawa banyak kes-kes kegagalan sesuatu perniagaan di kalangan orang Melayu adalah disebabkan oleh penguasaan ilmu perniagaan yang lemah (akal), terlampau mengejar keuntungan yang besar (nafsu) dan mempunyai sifat hasad dengki yang tebal (hati). Kesemua elemen tersebut telah merosakkan pembangunan kerohanian usahawan Melayu (roh).

Justeru, kajian ini mendalami amalan kerohanian daripada perspektif guru-guru mursyid yang boleh membawa keberkatan kejayaan dalam bidang keusahawanan. Pemilihan guru mursyid sebagai bahan utama dalam kajian adalah kerana setiap guru mursyid mempunyai aliran tarekat yang berbeza dan mereka mempunyai kaedah pembangunan kerohanian yang berbeza. Amalan-amalan kerohanian setiap guru mursyid akan dibincangkan lebih lanjut dalam kajian ini.

KAJIAN LITERATUR

Kajian dalam bidang kerohanian di Malaysia telah bermula sejak tahun 2010 sehingga sekarang dan telah memfokuskan kajian kepada para pelajar, guru-guru, pesakit kronik, belia, pekerja, bahan seni, keluarga dan usahawan. Penerbitan artikel berkaitan pesakit kronik adalah yang paling banyak iaitu 5 terbitan. Manakala kajian berkaitan dengan usahawan iaitu sebanyak 2 terbitan.

Kajian pembangunan kerohanian ke atas golongan usahawan telah dijalankan oleh Faizah dan Azhar (2019) yang telah mengkaji faktor amalan kerohanian Islam sebagai faktor penyederhana antara kemahiran usahawan asnaf dengan kejayaan

perniagaan kecil dan sederhana. Manakala Mohd Zain, Asyraf, dan Mohd Rafi (2015) telah mendapati bahawa kejayaan usahawan di negeri Kelantan adalah hasil daripada amalan kerohanian yang mempengaruhi motivasi usahawan untuk membina keyakinan dan ketahanan diri, berprinsip, dan cekap dalam pengurusan perniagaan.

Zaharah Hussin e.t (2017) menyatakan dalam model Q-rohani, mereka telah menggariskan empat aspek dalam pembangunan kerohanian iaitu daya kepintaran (*al-quwwah al-aqliyyah*), daya kemarahan (*al-quwwah al-ghadabiyyah*), daya nafsu (*al-quwwah al-shahwiyyah*), dan daya imaginasi (*al-quwwah al-wahmiyyah*). Manakala, Seadah (2012) telah memulakan kajian pembangunan kerohanian Q-rohani dengan membawa masuk 4 elemen kerohanian iaitu amarah (hati, emosi, *qalb*), intelektual (akal, kepintaran), imaginasi (nyawa, roh, kepercayaan) dan nafs (nafsu, jiwa).

Di dalam kitab Ihya' Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali telah mengemukakan gagasan pemikiran akhirat yang berteraskan penyucian rohani sebagai tunjang utama di dalam bidang keusahawanan. Selain itu, Imam Al- Ghazali juga telah menerangkan konsep adab seorang usahawan dalam mencari rezeki.

Imam Al Ghazali telah merumuskan 7 prinsip pemikiran asas seorang usahawan Islam yang ingin menjalankan aktiviti perniagaan. Pertama ialah niat yang ikhlas dan pegangan akidah yang jelas, kedua ialah aktiviti perniagaan atas tuntutan fardu kifayah, ketiga ialah melebihi tuntutan akhirat dari tuntutan dunia, keempat ialah memperbanyakkan zikir serta mengingati Allah swt, kelima ialah janganlah perniagaan menjadi keutamaan, keenam ialah menjauhkan perkara syubhah dan haram, dan ketujuh ialah sentiasa memerhati dan meneliti setiap urusan jual beli.

Syarifah e.t (2018) menyatakan bahawa amalan gaya hidup Islam dalam kalangan usahawan wanita Muslim berjaya adalah berkaitan dengan tiga dimensi utama iaitu keimanan, ibadah dan akhlak. Manakala Shuhaila dan Salmi (2019) dalam kajiannya mendapati matlamat hidup seorang usahawan muslim adalah untuk mengerjakan suruhan Allah seperti solat, menunaikan zakat, menjaga amanah dan janji, menjauhi riba, mendermakan sebahagian rezeki yang diperolehinya, tidak melakukan kezaliman, jihad melalui harta benda, tidak bakhil dan sentiasa bertaubat.

Dalam kajian ini, pengkaji bersetuju dengan cadangan Solahuddin (2010) bahawa sudah sampai masanya untuk umat Islam membuat kajian empirikal terhadap hubungan nilai-nilai Islam terutamanya elemen kerohanian dengan prestasi usahawan. Hujahnya ialah, mengamalkan nilai-nilai Islam dalam aktiviti perniagaan

bukan merupakan sebab-sebab kegagalan, sebaliknya membuka jalan kejayaan bagi usahawan dalam perniagaan.

METODOLOGI

Data-data berkaitan kajian pembangunan kerohanian dan amalan-amalan berkaitan usahawan Melayu diperolehi melalui kajian kepustakaan yang dijalankan oleh pengkaji melalui sumber jurnal, artikel, dokumen, kertas-kertas persidangan, dan buku-buku rujukan. Penelitian terhadap analisis deskriptif telah memfokuskan kepada kaedah pembangunan kerohanian dan amalan-amalan kerohanian yang kemudian dianalisis untuk dijadikan kesimpulan. Seterusnya kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam untuk mendapatkan amalan-amalan kerohanian dari perspektif guru-guru mursyid yang boleh dijadikan amalan kepada usahawan. Guru-guru mursyid juga telah diminta untuk memberi pandangan mereka tentang ehwal usahawan bertarekat dengan ehwal usahawan tidak bertarekat.

Pemilihan guru-guru mursyid yang terlibat dalam kajian ini adalah berdasarkan teknik pensampelan bertujuan dan temu bual mendalam digunakan untuk mengutip data daripada mereka. Kriteria pemilihan guru-guru mursyid sebagai informan dalam kajian ini adalah seorang lelaki beragama Islam, ahli tarekat, mempunyai anak murid dan telah menjalankan aktiviti pembangunan kerohanian melebihi 5 tahun. Kriteria ini ditetapkan sebagai ukuran untuk kelayakan seorang guru mursyid di dalam latihan pembangunan kerohanian. Pengalaman setiap guru mursyid akan dianalisis untuk mencapai objektif kajian pembangunan kerohanian usahawan Melayu di Malaysia.

Dalam kajian ini, seramai 7 orang guru mursyid yang berada di 6 buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah telah dipilih sebagai informan untuk ditemubual. Selain itu, mereka juga berpengalaman dalam menjalankan aktiviti pembangunan kerohanian antara 5 hingga 20 tahun. Perbezaan tahun pengalaman setiap informan dapat dilihat dari sudut teknik dan amalan-amalan dalam pembangunan kerohanian, lagi lama seseorang informan dalam aktiviti pembangunan kerohanian, lagi banyak amalan-amalan yang akan dikongsikan kepada anak murid mereka.

Semua informan ini terdiri daripada aliran tarekat yang berbeza-beza untuk mendapatkan kepelbagaian jenis amalan yang boleh disesuaikan dengan seseorang usahawan. Informan pertama (R1) dari aliran tarekat Nasyaqbandi Kholidi, informan kedua (R2) dari aliran tarekat Shatariah, informan ketiga (R3) dari aliran tarekat Muhammadiyah, informan keempat (R4) dari aliran tarekat Chistiyah,

informan kelima (R5) dari aliran tarekat Ahmadiyah, informan keenam (R6) dari aliran tarekat Maklawiah, dan informan ketujuh (R7) dari aliran tarekat Nasyaqbandhi Qadariah. Pemilihan kepelbagaian aliran tarekat amat penting untuk pengkaji melihat syarat-syarat untuk menjadi ahli tarekat dan amalan yang akan diterima oleh setiap murid. Maklumat demografi informan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat demografi informan

Informan	Aliran Tarekat	Tempoh Pembangunan Kerohanian (Tahun)	Lokasi
R1	Nasyaqbandhi Kholidi	7 Tahun	Selangor
R2	Ahmadiyah	5 Tahun	Negeri Sembilan
R3	Muhammadiyah	10 Tahun	Pulau Pinang
R4	Chistiyah	8 Tahun	Selangor
R5	Syatariah	20 Tahun	Perak
R6	Maklawiah	15 Tahun	Melaka
R7	Nasyaqbandhi Qadariah	12 Tahun	Kedah

Data dikutip daripada informan menggunakan soalan semi berstruktur. Soalan asas berdasarkan objektif kajian dijadikan sebagai panduan dalam temubual mendalam. Perbincangan dengan informan adalah terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara pengkaji dan informan. Data-data dianalisis melalui analisis tematik untuk ditemakan dan dikategorikan dalam membantu pengkaji membuat huraian dan perbincangan. Semua sesi temu bual telah dilaksanakan selama 2 bulan bermula pada bulan Mac 2020 di madrasah, pondok atau rumah suluk informan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis data temu bual tersebut, pengkaji telah mendapati empat elemen yang perlu ada dalam diri usahawan iaitu muraqabah, aktiviti suluk/*suhbah*, adab seorang usahawan, dan amalan 4 serangkai (zikir, puasa, solat, zakat). Perbincangan dapatan kajian akan dibentangkan mengikut tema dan setiap tema terdapat beberapa elemen. Bukti temu bual disertakan bagi mengukuhkan kesahihan kajian ini. Perbezaan antara usahawan bertarekat dengan usahawan tidak bertarekat berdasarkan pandangan guru mursyid akan dinyatakan di akhir perbincangan dapatan kajian nanti.

1) Muraqabah.

Pada peringkat asas, muraqabah bermaksud menghayati atau menantikan sesuatu dengan penuh perhatian. Manakala dalam istilah tasawuf, muraqabah bermaksud kesedaran seorang hamba yang terus-menerus atas pengawasan Tuhan terhadap

semua keadaannya. Ini dijelaskan oleh guru-guru mursyid bahawa mereka akan sentiasa memerhatikan sikap dan tingkah laku setiap anak murid yang masih di dalam proses pentarbiahan.

Informan Kedua (R2) menyatakan “Sentiasalah ingat Allah swt supaya kamu lebih berhati-hati dalam semua perkara ibadat”.

Pengkaji berpendapat di dalam proses pembangunan kerohanian setiap usahawan amat perlu kepada muraqabah kerana mereka akan sentiasa mengawal tingkah laku dan sentiasa berjaga-jaga di atas landasan kemurkaan seorang guru mursyid. Amalan muraqabah sebenarnya boleh dijadikan benteng pertahanan diri kepada usahawan dengan isu-isu seperti hasad dengki, riak, sombong, membazir, tamak, rasuah, mengamalkan riba, dan tidak membayar zakat. Perasaan takut atas kemarahan seorang mursyid adalah laluan yang terbaik untuk seseorang yang sedang dalam proses membangunkan kerohaniannya.

Selain itu, guru-guru mursyid juga menjelaskan bahawa muraqabah mesti menjaga kesedaran atas makna, sifat, *iradat*, dan *qudrat* Allah swt yang telah mencipta keseluruhan makhluknya serta dialah yang mengawal segala takdir yang telah ditentukan sejak azali lagi. Pengkaji mendapati dengan adanya kesedaran sebegini, setiap usahawan akan meninggalkan segala larangan Allah swt dan akan mentaati segala suruhannya. Kejayaan dalam bidang keusahawanan adalah terletak di dalam muraqabah kerana semua usahawan akan sedaya upaya untuk menjadi seorang ‘Muhsin’ yang dapat menghambakan diri kepada Allah swt dan melakukan segala “ibadat” dengan penuh kesedaran seolah-olah dilihat oleh Allah swt. Ini dapat dibuktikan melalui hadis Riwayat Muslim sebagaimana Nabi Muhammad saw bersabda bahawa :

كَ يَرَا فَإِنَّهُ تَرَاهُ تَرَاهُ تَرَاهُ كَأَنَّكَ اللَّهُ تَعْبُدُ أَنْ لَ قَانَ الْإِحْسَاءَ عَنِ فَأَخْبِرُنِي

‘Ihsan adalah apabila engkau beribadah pada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, maka jika engkau tidak dapat melihat-Nya maka sesungguhnya ia melihatmu ‘.

2) Aktiviti suluk/*suhbah*,

Setiap usahawan mempunyai elemen hati, nafsu, akal dan roh yang tersemat di dalam aliran rohani mereka. Perbezaan usahawan bertarekat dengan usahawan yang tidak bertarekat terletak pada bimbingan guru mursyid yang mempengaruhi kehidupan dunia dan akhirat. Aktiviti suluk atau *suhbah* diadakan sekali pada setiap bulan dan aktiviti ini adalah perkara yang wajib dipatuhi oleh setiap anak murid bagi melengkapkan proses pembangunan kerohanian.

Informan Pertama (R1) menyatakan “aktiviti suluk/*suhbah* ni merupakan ‘kuliah bulanan’ kepada ahli tarekat. Di sini, saya letak syarat supaya anak murid saya

memerlukan pengorbanan yang tinggi untuk mendapatkan segala nasihat dan panduan di dalam pembangunan kerohanian seseorang yang sedang bersalik”

Keimanan dan keperibadian setiap manusia adalah terbentuk daripada bimbingan daripada ibu bapa mereka sendiri, seperti yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim yang menyatakan bahawa setiap manusia dilahirkan oleh ibunya di atas fitrah. Kedua orang tuanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi. Maka diri seorang usahawan sebenarnya telah dibentuk dari didikan ibu bapa mereka. Manakala usahawan yang bertarekat, keimanan dan keperibadian mereka terbentuk dari awalnya oleh ibu bapa dan di akhirnya dengan seorang guru mursyid.

Informan Kedua (R2) menyatakan “kekuatan dalaman seseorang usahawan itu sebenarnya boleh dipertingkatkan dengan aktiviti suluk/*suhbah* di dalam tempoh masa 24 jam, sebabnya setiap ahli salik akan dipenuhi dengan tazkirah, ibadat, khidmat dan tarbiah”

Roh yang terbimbing akan lebih tenang dibandingkan dengan roh yang tidak pernah dibimbing oleh mana-mana guru mursyid. Roh yang tenang akan memberi impak yang besar kepada diri usahawan supaya lebih bersabar, berfikir panjang dan tabah menghadapi setiap ujian yang datang. Roh yang tidak tenang akan turut memberi kesan kepada usahawan dan mudah terzahir melalui perbuatan mereka seperti terburu-buru, rakus, mudah putus asa dan cepat marah.

Informan Ketiga (R3) menyatakan “kesempurnaan aktiviti suluk atau *suhbah* adalah jalan pentarbiahan yang paling sesuai untuk semua peringkat usahawan”.

Setiap guru mursyid akan membina dan membuka jalan kerohanian dalam kerangka mendekati diri kepada Allah swt. Mereka akan membina jalan yang berlandaskan Islam, Iman dan Ihsan. Pembangunan kerohanian seorang usahawan mesti lengkap dengan 3 perkara utama dalam agama iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Jika berlaku kekurangan dari 3 perkara tersebut maka proses pembangunan kerohanian usahawan akan menuju kegagalan.

Informan Pertama (R1) menyatakan “pembangunan kerohanian mestilah berada di dalam tiga dimensi keislaman iaitu Islam, Iman, dan Ihsan. Dalam istilah tasawuf pula, ianya sangat dikenali dengan panggilan Syariat, Tarekat dan Hakikat”.

3) Adab Seorang Usahawan

Perbezaan utama di antara usahawan bertarekat dengan usahawan yang tidak bertarekat ialah bimbingan dan tarbiah dari seorang guru mursyid. Pengkaji mendapati usahawan bertarekat perlu menjaga adab antara murid dengan guru

mursyidnya supaya mereka tidak melanggar sebarang peraturan yang telah dipersetujui. Usahawan tidak bertarekat terlepas dari peluang untuk membina adab-adab seorang murid yang amat diperlukan untuk melancarkan perjalanan kehidupan mereka.

Informan Keempat (R4) menyatakan “ Dalam kehidupan bertarekat sahaja yang kamu boleh jumpa dengan hal adab-adab dengan guru. Makin kamu beradab dengan seorang guru, makin majulah perjalanan kerohanian kamu nanti”

Berdasarkan pandangan guru-guru mursyid, seorang usahawan bertarekat yang sentiasa menjaga adab dengan guru mursyid akan lebih menjaga adab dengan pelanggan jika dibandingkan dengan usahawan yang tidak bertarekat. Pengkaji Yusri dan Syukri (2018) menyatakan bahawa seorang yang bertarekat akan lebih beradab dan menghormati setiap individu yang mereka kenali. Apabila seorang usahawan mempunyai adab yang betul, maka sifat unggul keperibadian usahawan akan di nilai dan di rasai oleh para pekerja mahupun para pelanggan.

Pengkaji mendapati amalan-amalan yang dinyatakan oleh guru-guru mursyid tersebut dapat mengikat para pengikut tarekat mereka ke dalam satu pemikiran dan amal perbuatan yang sama serta kekuatan mental. Walau bagaimanapun, dalam bab adab sebenarnya setiap aliran tarekat akan membawa adab-adab yang berbeza terutamanya adab dengan guru mursyid.

Informan Kelima (R5) menyatakan “ Jangan sesekali kamu melanggar adab dengan gurumu, kerana sekelip mata sahaja kerohanian kamu boleh runtuh”

Selain itu juga, pengkaji mendapati usahawan bertarekat lebih menjaga adab dengan setiap pekerja mereka jika dibandingkan dengan usahawan yang tidak bertarekat. Ini adalah berdasarkan daripada pandangan guru-guru mursyid yang menyatakan setiap ahli tarekat mesti menjaga adab dengan ahli keluarga, saudara mara dan sahabat handai untuk menjaga perhubungan sesama manusia. Adab mereka dengan para pekerja diibaratkan umpama ahli keluarga sendiri demi mencari keberkatan di dalam bidang keusahawanan. Setiap usahawan disarankan untuk mempelajari adab untuk menguruskan para pekerja dan juga para pelanggan supaya kehidupan seseorang usahawan akan sentiasa dihormati.

Informan Keenam (R6) menyatakan “ kamu mestilah beradab dengan sesiapa pun, sama ada budak kecil ke, satu umur ke, orang tua ke, kamu dengan ahli keluarga kamu ke, kamu dengan rakan sekerja kamu ke, dan juga ketika kamu di khalayak orang ramai”

4) Amalan 4 Serangkai (zikir, puasa, solat, zakat)

Berdasarkan pandangan guru-guru mursyid amalan berzikir adalah amalan yang paling utama untuk proses pembersihan jiwa kepada seseorang yang inginkan pembangunan kerohanian. Setiap usahawan mesti mempunyai sifat mahmudah atau mazmumah di dalam hati mereka. Di dalam hadis Riwayat Baihaqi, Nabi Muhammad saw telah bersabda bahawa :

الله ذكر من الله عذاب من أنجي سيئ من وما لله ا ذكر القلوب صقالة وإن صقالة شبي لكل إن

“Sesungguhnya bagi segala sesuatu itu ada pembersihnya, dan sesungguhnya pembersihnya hati itu adalah zikir kepada Allah dan tidak ada sesuatu yang lebih menyelamatkan dari azab kubur selain zikir kepada Allah”.

Amalan berzikir telah diamalkan di kalangan orang Melayu sejak dahulu lagi. Berdasarkan pandangan guru-guru mursyid yang menyatakan bahawa amalan berzikir di kalangan usahawan sebenarnya masih belum boleh diamalkan sepenuhnya. Ini adalah kerana zikir yang mempunyai kaifiat yang betul mesti mendapat kebenaran dari seorang guru mursyid sebelum boleh diamalkan oleh seseorang usahawan. Jika mengamalkan zikir tanpa kebenaran guru mursyid, dikhuatiri zikir tersebut tidak dapat memberi sebarang kesan kaifiat kepada proses pembersihan hati seseorang usahawan, Proses pembersihan hati yang betul adalah melalui saluran tarekat yang dipimpin oleh seorang guru mursyid. Zikir yang sedikit kalau dapat membersihkan hati adalah lebih baik dari zikir yang banyak tanpa memberi kesan kepada hati,

Informan Ketujuh (R7) menyatakan “Boleh ke kamu habiskan zikir sebanyak 5000 atau 10,000 atau 20,000? Kalau kamu nak bangunkan kerohanian, kamu mesti mampu berzikir beribu”

Amalan berzikir amat ditekankan oleh semua guru-guru mursyid bagi menghadapi segala fitnah dan ancaman oleh pesaing dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan pandangan guru-guru mursyid menyatakan bahawa usahawan perlu membina kekuatan dalaman supaya mereka tidak mudah patah semangat dan putus asa dalam mengharungi rintangan perniagaan terutama sewaktu perintah kawalan pergerakan dilaksanakan. Usahawan yang tidak bertarekat seharusnya perlu bersetuju dengan kenyataan guru-guru mursyid bahawa amalan berzikir dapat membersihkan hati dan seterusnya dapat membina kekuatan dalaman seseorang individu. Khairi (2017) menyatakan bahawa di bawah pimpinan mursyid Tariqah Naqshabandi seseorang akan melalui proses penyucian hati.

Informan Kelima (R5) menyatakan “hanya dengan amalan berzikir sahaja kamu dapat bersihkan hati yang kotor dan juga dapat membina kekuatan dalaman kamu”

Setiap usahawan mesti mempunyai hati yang bersih untuk menghayati seluruh perjalanan kehidupan termasuklah dalam pengurusan perniagaan mereka. Apabila usahawan terlibat dengan proses pembersihan hati, maka isu-isu seperti hasad dengki, iri hati, busuk hati dan hati kering dapat dihilangkan atau dikurangkan. Bagi kumpulan usahawan bertarekat, sudah menjadi kebiasaan pada mereka dalam proses pembersihan hati. Manakala bagi kumpulan usahawan yang tidak bertarekat, guru - guru mursyid telah memberi pandangan seharusnya hati mereka perlu dibersihkan daripada kesan dosa yang pernah mereka lakukan sebelum ini.

Berdasar pandangan guru-guru mursyid tentang kehidupan seorang usahawan tidak bertarekat bahawa mereka juga mempunyai amalan berzikir yang telah diamalkan secara sendiri tanpa panduan dan bimbingan daripada saluran seorang guru. Namun amalan zikir ini, tidak konsisten seperti amalan zikir yang ada pada usahawan bertarekat. Guru-guru mursyid juga menyatakan pengalaman berzikir dalam kehidupan usahawan bertarekat dilihat sebagai elemen istiqamah dan sentiasa dipertingkatkan jumlah zikir mengikut kemampuan sebagai ahli tarekat. Amalan berzikir juga merupakan salah satu dari 7 prinsip asas pemikiran usahawan Islam yang telah dirumuskan oleh Imam Al-Ghazali. Manakala, Khatijah e.t (2020) turut menyatakan bahawa kecekapan psiko-rohani Islam dapat menyumbang kepada kekuatan dalaman seseorang. Ianya juga sebagai lambang kekuatan jiwa dan kalbu yang berkorelasi sebagai faktor penentu kesejahteraan fizikal manusia.

Informan Ketiga (R3) menyatakan “Nasihat saya untuk amalan zikir ni, mesti kena istiqamah. Jangan kejam je buat, lepas tu tinggal macam tu je”

Pengkaji dapat menyatakan bahawa usahawan bertarekat sebenarnya telah menikmati kemanisan dalam pembangunan kerohanian di bawah bimbingan guru mursyid masing-masing. Ini adalah berdasarkan firman Allah swt di dalam Al Quran, surah Al-Ra'd (13) ayat ke 28 :

الْقُلُوبُ تَطْمَئِنُّ لِلَّهِ بِذِكْرِ آلَا اللَّهِ بِذِكْرِ قُلُوبُهُمْ وَتَطْمَئِنُّ عَامِنُوا الَّذِينَ

“iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingat Allah, ingatlah hanya dengan mengingat Allah hatimu menjadi tenteram”

Pengkaji mendapati setiap guru mursyid meletakkan syarat supaya amalan berzikir dilakukan secara terus menerus (istiqamah) di dalam tempoh 24 jam kepada setiap anak muridnya. Hal ini dilakukan untuk memberi suatu cabaran psikologi kepada

anak murid beliau supaya dapat mengingat Allah swt pada setiap waktu dan setiap keadaan. Melalui kenyataan tersebut, terbukti bahawa usahawan bertarekat lebih tenang dan tenteram jika dibandingkan dengan usahawan yang tidak bertarekat.

Kehidupan setiap usahawan tidak akan terlepas dari godaan hawa nafsu yang akan cuba mempengaruhi hati supaya membeli keinginan yang di luar kemampuan usahawan seperti rumah besar, kereta mewah, dan pakaian jenama antarabangsa. Matlamat utama kehidupan bertarekat adalah untuk menundukkan hawa nafsu supaya seseorang itu dapat menikmati kehidupan yang berkat dan berjaya. Konflik melawan hawa nafsu telah menyebabkan ramai usahawan Melayu telah gagal dalam perniagaan mereka seperti yang telah dinyatakan oleh Zainuddin dan Rozeyta (2003).

Informan Pertama (R1) menyatakan “Amalan berpuasa ni amat penting untuk pembangunan kerohanian. Sebabnya nafsu kamu akan lemah dan akan merana setiap kali kamu puasa”

Amalan puasa adalah amalan yang memberi rehat kepada sistem pencernaan di dalam diri seseorang individu. Bagi kumpulan usahawan bertarekat, amalan berpuasa adalah amalan yang diutamakan untuk proses melemahkan hawa nafsu mereka. Apabila hawa nafsu dapat ditundukkan maka pertalian amanah di antara akal dan hati menjadi lebih baik dan terkawal. Kehidupan usahawan bertarekat yang mengamalkan puasa sunat seperti puasa sunat putih, puasa sunat Nabi Daud, atau puasa sunat Isnin dan Khamis adalah lebih sihat jika dibandingkan dengan kehidupan seorang usahawan yang tidak pernah mengamalkan amalan berpuasa.

Informan Kedua (R2) dan Informan Ketujuh (R7) yang meletak amalan solat sunat seperti solat dhuha, solat tahajud, solat taubat dan hajat adalah syarat utama untuk proses pembangunan kerohanian kepada setiap anak murid mereka. Perjalanan kehidupan usahawan yang sentiasa sibuk menguruskan hal perniagaan dan keluarga akan menyebabkan mereka ketinggalan dalam melaksanakan amalan solat sunat. Walau sibuk mana sekali pun kehidupan seorang ahli tarekat, mereka tetap akan menjaga amanah dari guru mursyid untuk tidak meninggalkan amalan solat sunat.

Informan Kedua (R2) menyatakan “kalau belah malam kamu tak boleh nak bangun solat tahajud, taubat dan hajat, macam mana kerohanian kamu nak maju. Kalau tak boleh sangat pun, kamu buat dulu solat dhuha”

Informan Ketujuh (R7) menyatakan “Belah siang ni, kamu mesti solat dhuha dulu. Belah malam nanti, kamu bangun le solat tahajud, solat taubat dan solat hajat. Baru le kamu bole pergi jauh dalam bidang kerohanian ni”

Setiap usahawan akan berpeluang untuk bersujud sebanyak 17 kali sehari dan akan memberi kesan secara langsung kepada kesihatan akal usahawan. Jika seseorang usahawan itu tidak bersujud, maka kesihatan akal mereka akan terganggu. Apabila kesihatan akal usahawan terganggu, maka segala aktiviti perniagaan akan turut terganggu. Solat adalah tiang agama manakala solat sunat adalah tiang kerohanian seseorang.

Informan Kelima (R5) menyatakan “hari ni dah ramai orang runtuhkan tiang agama dengan sengaja. Dalam perjalanan seorang salik, jangan berani kamu runtuhkan tiang kerohanian”

Gabungan solat fardu dan solat sunat akan memberi kesan yang berpanjangan ke atas pembangunan kerohanian seseorang usahawan. Kelebihan yang besar bagi kumpulan usahawan bertarekat kerana mereka sedang menjalani proses pembangunan kerohanian melalui amalan solat sunat. Bagi kumpulan usahawan tidak bertarekat pula, guru-guru mursyid memberi pandangan bahawa amalan solat sunat sebagai bonus dalam kehidupan mereka untuk menjaga laluan pintu rezeki terutama sekali solat dhuha. Setiap golongan usahawan sebenarnya sedang memperbaiki kedudukan solat masing-masing untuk menjadi hamba yang taat kepada perintah Allah swt.

Setiap usahawan tidak akan terlepas dari menyediakan laporan kewangan pada setiap tahun untuk proses pembayaran zakat perniagaan. Kegagalan setiap usahawan yang tidak membayar zakat perniagaan akan menyebabkan mereka tergelincir dari landasan Islam. Rukun zakat yang terkandung dalam rukun Islam adalah perkara utama yang sepatutnya tidak menjadi masalah kepada setiap usahawan Melayu yang telah cukup syarat untuk dikenakan zakat perniagaan. Mohamad Zaki e.t (2013) menyatakan bahawa fokus utama masyarakat tertumpu pada zakat fitrah sedangkan jenis-jenis zakat yang lain dipandang enteng dan remeh termasuklah kewajipan membayar zakat perniagaan.

Informan Keenam (R6) menyatakan “zakat ni merupakan tiang perniagaan. Lagi banyak kamu bayar zakat, lagi banyak le tiang dipasakkan dekat tapak perniagaan kamu”

Amalan zakat perniagaan sepatutnya menjadi amalan teras kepada setiap kumpulan usahawan Islam di Malaysia. Usahawan yang amanah ialah usahawan yang dapat menyediakan laporan kewangan yang betul dan menjalankan aktiviti jual beli tanpa ada penipuan. Proses ini akan membangunkan kerohanian diri usahawan. Prestasi

perniagaan mereka akan bertambah maju sekiranya jumlah zakat yang dibayar lebih besar dari jumlah yang ditetapkan.

Roh perniagaan untuk seseorang usahawan adalah bergantung sepenuhnya kepada amalan zakat perniagaan. Matlamat pembangunan roh perniagaan seseorang usahawan yang beragama Islam mesti berlandaskan amalan berzakat supaya mencapai keberkatan dalam bidang perniagaan. Kegagalan membayar zakat perniagaan oleh usahawan akan menyebabkan runtuhnya kerohanian perniagaan mereka. Pintu-pintu rezeki akan terbuka luas kepada usahawan yang berjaya membayar zakat perniagaan.

Informan Keempat (R4) menyatakan “jangan kamu lupa bahawa dalam perniagaan juga ada Roh. Jadi, nak hidupan roh perniagaan tu mesti melalui jalan zakat perniagaan”.

Perbezaan Usahawan Bertarekat dan Usahawan Tidak Bertarekat

Jadual 2. Penilaian Diri Usahawan Bertarekat Dengan Usahawan Tidak Bertarekat Berdasarkan Pandangan Guru-Guru Mursyid

Perkara	USAHAWAN BERTAREKAT	USAHAWAN TIDAK BERTAREKAT
Sudut Hati	<ul style="list-style-type: none"> Gerakan pembersihan hati telah dijalankan melalui amalan zikir yang diperolehi dari seorang guru mursyid. Penyakit hati usahawan akan dapat dirawat sekiranya aktiviti pembersihan selalu dilakukan. 	<ul style="list-style-type: none"> Gerakan pembersihan hati belum dimulakan. Mereka juga ada mengamalkan zikir, tapi tanpa bimbingan mana-mana guru. Penyakit hati usahawan sukar dirawat disebabkan tidak dapat panduan dari saluran yang betul.
Sudut Nafsu	<ul style="list-style-type: none"> Gerakan untuk melawan dan melemahkan nafsu telah dilakukan dan misi mereka ialah hendak mengecilkan hawa nafsu serta menukar kepada peringkat nafsu yang lebih terkawal . 	<ul style="list-style-type: none"> Nafsu masih menguasai gerak-geri perancangan diri dan perniagaan mereka. Gerakan nafsu makin membesar apabila tiada gerakan untuk melemahkan hawa nafsu.

Sudut Akal	<ul style="list-style-type: none">• Akal adalah tempat untuk menerima ilham-ilham dari ihsan Allah s.w.t. Proses menajamkan akal berlaku dari bantuan guru mursyid.	<ul style="list-style-type: none">• Akal digunakan untuk mencari idea-idea baru. Proses menajamkan akal berlaku tanpa ada bantuan daripada pihak lain.
Sudut Roh	<ul style="list-style-type: none">• Situasi roh yang sedang menjalani proses ketenangan. Ketenangan akan wujud selepas elemen hati, nafsu dan akal menjalani latihan kerohanian di bawah bimbingan seorang guru mursyid	<ul style="list-style-type: none">• Situasi roh yang belum menjalani proses menjadi tenang. Ketenangan masih boleh wujud dengan mendengar nasihat dari ustaz, ulama, tuan guru dan mentor. Elemen hati dan nafsu masih belum diberi latihan kerohanian.
Konsep amalan	<ul style="list-style-type: none">• Amalan yang dilakukan berlandaskan hubungan dengan Allah swt semata-mata. Hidup usahawan akan diisi dengan amalan zikir, selawat, solat sunat, mengamalkan sunnah dan berpuasa. Mereka akan sentiasa meningkatkan amalan mereka.	<ul style="list-style-type: none">• Amalan yang dilakukan berlandaskan hubungan dengan makhluk semata-mata. Hidup usahawan kurang diisi dengan amalan-amalan kerohanian yang banyak. Mereka akan memilih amalan yang sesuai dengan mereka sahaja.
Konsep suluk/ <i>suhbah</i>	<ul style="list-style-type: none">• Usahawan akan meluangkan masa untuk menghadiri aktiviti “kuliah bulanan” di kediaman guru mursyid mereka. Pembangunan kerohanian dilakukan melalui khidmat, tazkirah, muzakarah dan ibadat.	<ul style="list-style-type: none">• Usahawan akan mencari masa untuk menghadiri kuliah di masjid atau surau untuk mendengar nasihat dan tazkirah. Pembangunan kerohanian dilakukan melalui sudut akal sahaja iaitu dengan mendengar ceramah.
Konsep bimbingan	<ul style="list-style-type: none">• Hala tuju usahawan di dalam menguruskan perniagaan yang jelas di bawah bimbingan guru mursyid. Usahawan ada tempat rujukan khas jika berlaku sebarang masalah	<ul style="list-style-type: none">• Usahawan tidak mempunyai bimbingan yang khusus untuk menguruskan sebarang perniagaan. Usahawan tiada tempat rujukan khas jika berlaku sebarang masalah

Konsep muraqabah	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mudah tergelincir di dalam laluan <i>istidraj</i> kerana keadaan usahawan yang selalu dalam pengawasan dan pemerhatian seorang guru mursyid. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mudah tergelincir di dalam laluan <i>istidraj</i> kerana keadaan usahawan yang tiada pengawasan dan pemantauan daripada mana-mana pihak, dan hanya berbekalkan faktor kebolehan diri sendiri.
Konsep Adab	<ul style="list-style-type: none"> • Usahawan sedang belajar adab dan akan mendapat teguran dari guru mursyid jika kurang adab. Dengan adab, usahawan akan mudah membimbing pekerja dan ahli keluarga mereka. 	<ul style="list-style-type: none"> • Usahawan pernah belajar adab tetapi tiada yang memberi teguran jika kurang adab. Usahawan akan menghadapi sedikit kesukaran untuk membimbing pekerja atau ahli keluarga mereka.

RUMUSAN

Merujuk kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pembangunan kerohanian merupakan satu mekanisme untuk mengurus sistem rohani manusia secara teratur dan sistematik bagi mencapai matlamat dan objektif seseorang individu. Guru-guru mursyid telah menggariskan beberapa amalan asas kerohanian untuk diaplikasikan di dalam pembangunan kerohanian seperti aktiviti suluk/*suhbah*, adab, amalan berzikir dan muraqabah untuk meningkatkan prestasi diri dan perniagaan seseorang usahawan. Amalan asas kerohanian yang diaplikasikan di dalam diri seorang usahawan akan menjadi teras untuk melahirkan usahawan yang seimbang dari aspek pemikiran, fizikal, emosi, dan kemahuan bertunjangkan kepada konsep tauhid yang menjadi pegangan utama setiap usahawan Melayu di Malaysia. Seterusnya akan membawa kepada lahirnya usahawan Melayu yang mampu untuk bersaing dengan usahawan dari bangsa lain dengan membawa amalan-amalan kerohanian yang berkualiti untuk menerbitkan sifat-sifat amanah, adil, siddiq, tabligh dan fatanah. Kerangka konsep pembangunan kerohanian yang dibentuk hanyalah bertujuan untuk memperkasakan fungsi penciptaan manusia dwi dimensi sebagai hamba dan khalifah bagi mendapat keredaan Allah dan mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Justeru pengkaji menyarankan beberapa cadangan seperti di bawah:

- a. Dijalankan kajian kualitatif kaedah temu bual terhadap usahawan-usahawan yang berjaya dalam perniagaan yang terdiri daripada pelbagai tarekat seperti Tarekat, Nasyaqbandhi, Tarekat Syatariah, Tarekat Ahmadiyah dan Tarekat Qadariah.
- b. Dijalankan kajian kualitatif kajian lapangan dan pemerhatian untuk mengetahui sejauh mana usahawan bertarekat yang berjaya mempraktikkan akhlak Nabi Muhammad saw dalam perjalanan perniagaannya.
- c. Pengkaji mencadangkan satu istilah yang sesuai untuk diguna pakai di dalam kajian ini iaitu '*Spirituprenuer*'. Gabungan daripada perkataan '*spiritual*' dengan '*entrepreneur*'. Perkataan '*spiritual*' merupakan bidang kerohanian dan ianya adalah struktur dalaman bagi jasad seorang manusia. Manakala perkataan '*entrepreneur*' merupakan bidang keusahawanan dan ianya adalah struktur asas bagi sesuatu perniagaan usahawan.

RUJUKAN

- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. (1986). *Ihya' ulum al-din*. Lubnan: Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Qaradhwawi, Yusuff. (2001). *Dawr al-qiyam wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Faizah Binti Zakaria, Azhar Bin Harun. (2019). Faktor kemahiran dan kejayaan usahawan asnaf: Amalan kerohanian Islam sebagai penyederhana. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 4(24), 98-108.
- Khatijah Othmana, Nurhafizah Mohd Sukora, Suhailiza Md Hamdania, Nik Nadian Nisa Nik Nazlib, Muhammad Khairi Mahyuddina, Yuseri Ahmada, Marina Munira Mutaliba, Mashitah Sulaimana & Nor Adila Syahira Jusoha. (2020). Keperluan kecekapan psiko-rohani kepada pekerja bencana di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 22(2), Special Issue, 21-33.
- Mohamad Zaki Razaly, Mohd Zainodin Mustaffa, Mohd Asyadi Redzuan, Shahrinizam Mansor, Nurufatinah Umar. (2014). Isu dan cabaran kutipan zakat perniagaan: Kajian di negeri Johor. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf*, Kuala Lumpur.
- Mohd Zain Mubarak, Asyraf Hj Abd. Rahman Dan Mohd Rafi Yaacob. (2015). Elemen kerohanian dalam keusahawanan Islam: Kajian terhadap usahawan berjaya di negeri Kelantan. *Journal of Business and Social Development Volume 3*(1), 43-53.
- Muhammad Hilmi Jalil dan Mohd Yusof Hj. Othman. (2017). Jati diri manusia: Antara Islam dan Barat. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 97-109

- Muhammad Khairi Mahyuddin. (2017). Wahdah al-wujud oleh ulama Melayu Naqshabandi kurun ke 19, Shaiykh Islam Wan Sulaiman Wan Sidek. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 10, 7-16
- Muhammad Syukri Salleh. (1994). An ethical approach to development: the Arqam philosophy and achievements. *Humanomics*, 10(1), 25-60.
- Musliikh Abdurrahman, ‘*Umdat, op. cit.*, h. 88. Abi al-Husain Muslim ibn al-Hajjaj, *op.cit.*, h. 28.
- Saedah, S. (2012). Model q-Rohani ke arah pembangunan insan. Paper presented at *1st International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE2012)*, State University of Jakarta, Jakarta, Indonesia.
- Solahuddin Abdul Hamid, Mohd Sobhi Ishak, Mohd Nizho Abdul Rahman, Mohd Akram Dato’ Dahaman@Dahlan & Hydzulkifli Haji Hashim. (2010). Penghayatan agama (Religiosity) dan praktis keusahawanan: Analisis implikasi dalam pembangunan usahawan Melayu.
- Suhaila Nadzri dan Salmy Edawati Yaacob. (2019). Ciri-ciri akhlak usahawan Muslim berjaya dan hubungannya dengan cara pengembangan harta serta matlamat hidup menurut perspektif al-Qur’an. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(1), 8-17.
- Syarifah Md Yusof, Abu Bakar Hamed Raziah Md Tahir dan Azizah Othman. (2018). Usahawan wanita Muslim berjaya: Amalan gaya hidup Islam. *International Journal of Islamic Business*, 3(1), 1-18.
- Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqshit Ahmad, dan Nurul Rabihah Mat Noh. (2017). Hidup berkeluarga melalui didikan amalan Q-Rohani (Afektif): Satu pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah*, 9(2), 16-31.
- Zainuddin Hassan dan Rozeyta Omar. (2003). Aktiviti keusahawanan masyarakat Melayu pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Seminar Za’ba Mengenai Alam Melayu a1, 12-14 Ogos, Institut Peradaban Melayu, UPSI.
- Zakiyuddin Abd. ‘Azhim Ibn Abd. Qawiy al-Munzhiri. (1988). *Al-Tarhib wa al-tarhib min al-hadits al-syarif*. Juz II. Beirut: Dar al-Fikr.